

# **TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR PENGAJIAN ISLAM**

## **THE MASTERY OF SOFT SKILLS AMONG ISLAMIC STUDIES STUDENTS**

SITI ZAKARIA<sup>1</sup>& RUSLIN AMIR

Universiti Kebangsaan Malaysia

NORZAINI AZMAN & MOHD NOOR DAUD

Universiti Pendidikan Sultan Idris

### **ABSTRAK**

Kajian ini merupakan kajian tinjauan secara deskriptif bertujuan untuk melihat tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar kursus Pengajian Islam. Seramai 346 sampel daripada 955 orang populasi pelajar Ijazah Sarjana Muda Kursus Pengajian Islam daripada sebuah universiti awam tempatan terlibat dalam kajian. Tujuh attribut kemahiran insaniah (softskill) untuk pelajar IPT seperti yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) merangkumi kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, berfikir kritis dan penyelesaian masalah, pembelajaran sepanjang hayat, keusahawanan dan kemahiran etika moral profesional (KPT 2006) digunakan. Data kajian ini telah diperoleh melalui soal selidik dan dianalisis menggunakan prisian SPSS versi 17.0. Analisis min menunjukkan pelajar menguasai enam juzuk kemahiran insaniah pada tahap tinggi kecuali kemahiran keusahawanan pada tahap sederhana tinggi. Kemahiran yang paling

tinggi dikuasai ialah kemahiran kerja berpasukan diikuti kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran kemahiran kepimpinan, kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi dan kemahiran etika moral dan profesional. Kemahiran keusahawanan yang paling rendah dikuasai perlu dipertingkatkan sebagai usaha menggalakkan graduan pengajian Islam menceburi bidang keusahawanan. Kajian mencadangkan pelajar Pengajian Islam menceburi bidang-bidang profesional yang lainnya tanpa melupakan peranan mulia sebagai penyebar mesej keislaman dan pendakwah dalam apa jua karier yang diceburi.

Kata kunci: kemahiran insaniah, kebolehpasaran graduan

### **ABSTRACT**

The study is a descriptive survey study that aims to see the level of soft skills among Islamic Studies students' courses. A total of 346 samples

---

<sup>1</sup>

Corresponding author : Siti Kausar Binti Zakaria, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, e-mail: zakariakausar@yahoo.com

from a population of 955 students in Bachelor courses of Islamic Studies from a public university participated in the study. Seven attributes of soft skills (soft skills) for university students as outlined by the Ministry of Higher Education Malaysia (MOHE) which include communication skills, leadership, teamwork, critical thinking and problem solving, lifelong learning, entrepreneurship and professional skills moral ethics were adopted. Data for this study were collected through a questionnaire and analyzed using SPSS version 17.0. Min analysis shows that students master the six constituents of soft skills at a high level unless entrepreneurial skills at moderate level. The highest skill mastered was teamwork skills, followed by learning skills and information management skills, leadership skills, critical thinking skills and problem solving, communication skills and moral and professional ethics. Entrepreneurial skills which was mastered the least need to be improved to encourage Islamic studies graduate to join entrepreneurship. The study recommends that the students to pursue other professional fields without forgetting the noble role to preach the message of Islam in any career endeavor.

**Keywords:** generic skills (soft skills), graduate employability

**Tidak adil jika graduan Pengajian Islam disuruh menguasai kemahiran-kemahiran hard seperti teknologi penciptaan yang begitu asing dengan bidang dipelajari mereka.**

## PENGENALAN

Graduan dalam bidang Pengajian Islam tidak dapat mengelakkan diri mereka daripada pelbagai cabaran kerjaya kerana perubahan semasa dalam aspek pemikiran, ekonomi, teknologi, sosial dan politik. Kemahiran insaniah atau soft skill yang diperkenalkan oleh KPT (2006) sebenarnya telah lama diamalkan secara holistik dalam institusi pendidikan tinggi Islam sejak turun temurun. Pada masa kini, kemahiran insaniah lebih sistematik, terarah, praktikal dan dibantu dengan perancangan logistik yang lebih rapi (Rahimin Affandi et. al 2009).

Dalam situasi negara yang sedang mengalami perkembangan pesat dalam bidang teknologi dan pembuatan. Tidak adil jika graduan Pengajian Islam disuruh menguasai kemahiran-kemahiran hard seperti teknologi penciptaan yang begitu asing dengan bidang dipelajari mereka. Graduan khususnya dalam bidang Pengajian Islam haruslah menyiapkan diri mereka dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan masa kini bagi membolehkan mereka mendapat tempat bukan sahaja dalam masyarakat kini yang mempunyai pelbagai idealisme dan falsafah kesan daripada globalisasi bahkan dalam bidang kerjaya yang sesuai dengan bidang yang dipelajari.

Modul kemahiran insaniah KPT telah dibangunkan berdasarkan kepada beberapa teori pembelajaran iaitu teori kognitif, konstruktivisme, behaviorisme dan sosial yang menjadi asas kepada pembinaan modul dan kerangka kemahiran insaniah yang diguna pakai oleh IPTA di Malaysia. Menurut teori konstruktivisme, pembelajaran berlaku apabila pengalaman lampau memberi kesan kepada pengalaman dan pembelajaran yang baharu. Dalam erti kata lain, pembelajaran hanya akan berlaku apabila pengetahuan yang sedia ada pada pelajar dapat

diintegrasikannya dengan ilmu yang baharu diterimanya dan menghasilkan satu konsep atau maklumat yang baharu dan berguna. Konsep, pengetahuan dan pengalaman ini dikenali sebagai kemahiran boleh pindah atau transferable skills. Teori ini juga dikenali sebagai teori pemprosesan maklumat di mana individu menerima pelbagai jenis rangsangan daripada persekitarannya secara sedar atau tidak sedar. Teori ini dipelopori oleh Carl Rogers (1902-1987).

Teori ini juga mengatakan pembelajaran melalui pengalaman adalah pembelajaran yang bermakna. Ini kerana ia menekankan keperluan dan kehendak sebenar yang ingin dicapai oleh pelajar. Ciri-ciri pembelajaran ini menurut Rogers adalah penglibatan secara peribadi (personal-involvement), kehendak sendiri (self-initiated), penilaian kendiri (self-evaluated) dan memberi kesan yang menyeluruh kepada pelajar (pervasive effect on learner).

Pembelajaran berasaskan makna atau pengalaman yang dikenali sebagai meaningful learning bukannya rote learning ini memberi impak yang besar kepada penjanaan bagi setiap kemahiran insaniah yang diperlukan pelajar. Pembelajaran rote learning dalam pembelajaran yang tidak mendedahkan pelajar kepada situasi sebenar bukanlah pembelajaran yang memberi kesan kepada kemahiran. Ini menyebabkan timbulnya kekakuan dalam proses penjanaan kemahiran itu sendiri.

Teori kognitif menfokuskan pemikiran manusia, metakognitif, kemahiran berfikir kreatif dan kritis, motivasi, kemahiran belajar dan lain-lain. Menurut teori ini, pembelajaran merupakan suatu aktiviti mental yang berlaku yang boleh menghasilkan perubahan-perubahan dalam pemahaman dan sikap. Perubahan tersebut mestilah bersifat relatif

dan berbekas. Setiap pelajar perlu diberi sepenuhnya peluang (full modalities) untuk mencari ilmu baharu dan dibekalkan dengan bahan pembelajaran sesuai dengan kebolehan kognitif mereka. Teori ini dipelopori oleh Piaget (1939), Bruner (1966), Ausubel (1968), Gagne (1940) dan Vygotsky (1978).

Teori behaviorisme mengatakan pembelajaran berlaku apabila terdapat perubahan daripada segi tingkah laku dan keperangaian termasuklah tingkah laku luaran dan dalaman. Proses ini memerlukan pengulangan sehingga menjadi satu tingkah laku yang kekal atau tabiat. Teori ini berasaskan teori classical conditioning yang didukung oleh ahli behaviorisme iaitu Ivan Pavlo (1849 - 1936) di Rusia dan Thorndike (1874 - 1949), Watson (1908-1912) dan Skinner (1904-1990) di Amerika Syarikat. Teori ini boleh memberi kesan kepada pelaksanaan kemahiran insaniah dalam konteks pelajar dilatih untuk menyesuaikan diri dengan kemahiran yang diperlukan seiring dengan tuntutan semasa. Pelajar haruslah bersedia untuk menerima perubahan dan pengalaman yang baharu serta perlu diperkuuhkan dari semasa ke semasa.

Teori sosial mengatakan pembelajaran berlaku melalui peniruan, pemodelan, teladan dan pemerhatian hasil daripada interaksi individu dengan persekitarannya. Terdapat empat unsur utama dalam pemerhatian iaitu perhatian, mengingat, peneguhan, motivasi. Teori ini dipelopori oleh Albert Bandura (1961) (Syarifah Hapsah 2006). Teori-teori yang disebutkan merupakan teori-teori yang menjadi asas kepada pelaksanaan modul kemahiran insaniah.

Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft skills) untuk Pengajian Tinggi Malaysia telah dilancarkan pada 22 Ogos 2006 bertujuan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti, berketerampilan dan mampu bersaing

hingga ke pringkat antarabangsa. (Mohd Zaki, Mohd Salleh dan Wahid 2008). Secara spesifiknya, modul ini ini telah diformulasikan oleh Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) sendiri dengan hasil usaha pakar daripada pihak Institut Pengajian Tinggi dan telah menetapkan tujuh aspek kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh setiap graduan termasuklah graduan Pengajian Islam. Tujuh kemahiran insaniah tersebut ialah Kemahiran berkomunikasi, Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, keusahawanan, etika moral dan profesional, dan kepimpinan.

Berdasarkan modul ini, penjanaan kemahiran insaniah boleh diterapkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) menerusi kurikulum atau model terapan. Antaranya seperti dalam pembelajaran berasaskan masalah (PBL), pembelajaran berasaskan masalah berorientasikan projek (POPBL), pembelajaran kooperatif, e-learning dan lain-lain. Selain itu, modul kemahiran insaniah juga diterapkan dalam aktiviti-aktiviti sokongan berbentuk kurikulum sebagaimana yang dicadangkan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) (KPT 2006). Kajian ini bertujuan melihat tahap kemahiran insaniah yang dikuasai pelajar berdasarkan modul kemahiran insaniah seperti yang digariskan KPT.

Kaedah PBL dan POPBL adalah salah satu kaedah pembelajaran yang mendedahkan pengalaman sebenar dan bertumpu kepada pelajar. Terdapat dua jenis pengalaman sebenar iaitu pertama pengalaman melalui pendidikan formal melalui aktiviti pemerolehan maklumat serta mengaplikasinya terus dalam bentuk kemahiran. Kemahiran yang dicapai tidak akan diperoleh melalui proses kognitif semata-mata tetapi perlu dialami sendiri dalam situasi yang

sebenar dan bersesuaian. Pendekatan ini boleh dilaksanakan oleh IPTA dalam bentuk latihan praktikal seperti latihan keguruan, latihan pengurusan, pentadbiran, kerja sosial dan sebagainya. Kedua, pengalaman yang diperoleh menerusi penglibatan terus dalam aktiviti kehidupan seharian dan tidak melibatkan pendidikan formal.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Graduan dalam bidang Pengajian Islam adalah golongan yang diharapkan boleh menjadi pendakwah dalam masyarakat. Pendakwah yang baik ialah pendakwah yang mempergunakan bakat yang mereka ada bagi menghasilkan sesuatu yang bernilai, berharga dan disanjung oleh masyarakat sekeliling. Lantas, dengan cara inilah mereka akan mudah menyesuaikan diri dengan masyarakat dan juga diterima apa jua mesej yang ingin mereka sampaikan kepada mereka. Tidak ada perkara lain yang paling baik bagi seorang manusia yang bergelar khalifah Allah melainkan boleh meninggikan mesej keislaman dimuka bumi ini. Oleh itu sebab itulah jika dilihat dalam masyarakat kini golongan yang mempunyai kemahiran adalah lebih berkehadian, berpesonaliti dan mudah mempengaruhi orang lain berbanding golongan yang tidak berkemahiran dan tidak tahu menyalurkan potensi yang dikurniakan Allah kepada mereka.

Oleh yang demikian amat ketinggalanlah jika mereka tidak menggunakan peluang dan kelebihan yang ada bagi meningkatkan mutu diri sebagai seorang mahasiswa dalam bidang Pengajian Islam yang sering dipandang mulia oleh masyarakat. Persepsi negatif graduan dalam bidang ini yang melabelkan golongan yang hanya menghafal kitab-kitab klasik serta bidang yang dipelajari kurang menepati kehendak pasaran semasa boleh dihapuskan dengan

meningkatkan penguasaan diri dalam kemahiran insaniah. Graduan Pengajian Islam kini bukan lagi seperti lepasan Pengajian pondok dahulu kala yang hanya boleh menjadi imam dan guru agama semata-mata malah perlu terjun dalam bidang profesional dan kerjaya yang rencam sifatnya. Maka di sinilah cabarannya bermula dalam menyumbang kepakaran diri mereka tanpa melupakan peranan mereka sebagai seorang pendakwah.

Tanpa kemahiran-kemahiran keinsanan tidak mungkin mereka boleh menyesuaikan diri dengan masyarakat walaupun telah dibekalkan dengan ilmu agama yang tinggi. Ini kerana kemahiran merupakan sesuatu yang diperlukan dan pemerolehan kemahiran berkenaan juga tidak dapat dibentuk dengan proses pembelajaran secara teori semata-mata. Malah mana mungkin juga jika mereka menjadi pendakwah sekalipun tanpa memiliki kemahiran berkomunikasi yang berkesan. Malah mereka tidak mampu berdakwah mengikut keperluan semasa tanpa memiliki ilmu teknologi maklumat dan cara menyalurkan mesej melalui media sosial. Media sosial masa kini mempunyai impak yang sangat besar dalam mempengaruhi sikap dan pemikiran masyarakat. Jelas firman Allah dalam surah al-Nahl ayat 125 yang bermaksud, "Serulah (manusia) kepada jalan TuhanMu dengan hikmah dan nasihat yang baik, dan berbincanglah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya TuhanMu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk".

Bidang pengajian yang dianggap sebagai pengajian ilmu dan teori semata-mata sebenarnya sangat bertentangan dengan roh Islam itu sendiri yang menetapkan manusia merupakan Khalifah dimuka bumi. Graduan dalam Pengajian Islam seharusnya menjadi perancang dan

pelaksana yang baik dan bukan bercakap semata-mata. Lebih-lebih lagi dakwah dengan cara pelaksanaan ataupun perbuatan (dakwah bil hal) adalah lebih baik dan applicable serta mudah diikuti oleh penerima atau mad'unya. Selain daripada itu juga pendakwah harus mempunyai kemahiran menyampaikan mesej kerana sifat semujadi manusia yang dicipta dengan sebaik-baik kejadian telah dibekalkan dengan sifat dan tingkatan akal pemikiran yang berbeza antara satu sama lain. Oleh yang demikian untuk menjadi pendakwah pun mereka memerlukan kemahiran tertentu.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Prestasi PNGK yang cemerlang merupakan aspek penting yang menjadi penentu kepada kebolehgajian graduan. Isu prestasi akademik yang lemah dalam kalangan pelajar IPT akan menggagalkan usaha bagi melahirkan individu yang berilmu yang boleh menangani cabaran semasa. Walau bagaimanapun, dalam dunia pekerjaan pada abad ke-21, faktor kebolehpasaran graduan IPT bukanlah ditentukan oleh faktor PNGK yang tinggi semata-mata tetapi yang lebih diutamakan adalah tahap penguasaan kemahiran insaniah graduan yang merupakan faktor sangat diambil kira oleh majikan dalam memilih pekerja yang sesuai (Mohd Fairus Awang et al. 2011).

Menurut Buku Pengesahanan Graduan di fakulti berkenaan pada tahun 2012 membuktikan PNGK bukanlah isu utama kepada kebolehpasaran pelajar kerana majoriti daripada mereka iaitu 53.4 peratus meraih PNGK yang cemerlang antara 3.00 – 3.66 dan 7.5 peratus PNGK antara 3.67 - 4.00. Nilai akademik yang berkait rapat dengan IQ tanpa diiringi dengan potensi kerjaya dan pemikiran kreatif menyebabkan pelajar pengajian Islam

tidak boleh mengatasi cabaran kerjaya serta berkemampuan menjana idea dan produk yang baharu, kreatif dan inovatif. Perkara sedemikian bukanlah sesuatu yang salah kerana bidang akademik dan pendidikan merupakan bidang yang dilihat sinonim dengan bidang Pengajian Islam yang menjurus kepada penyebaran ilmu-ilmu Islam dan dakwah Islamiyah.

Kelemahan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar merupakan isu utama yang dibincangkan. Menurut kajian yang dijalankan oleh KPT (2011), graduan Pengajian Islam menguasai kemahiran insaniah pada tahap yang amat memuaskan. Kemahiran insaniah yang dikenal pasti ialah kemahiran berbahasa Inggeris iaitu hanya 4.3 peratus pelajar menunjukkan tahap yang amat memuaskan dan hanya 29.7 peratus pada tahap memuaskan. Ini diikuti dengan kemahiran analitikal dan menganalisis dengan hanya 36.2 peratus pelajar menguasai pada tahap yang amat memuaskan. Selain daripada itu, komunikasi interpersonal, kemahiran menyelesaikan masalah, dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif juga dikenal pasti antara yang kurang memuaskan dikuasai pelajar (Alumni 2012).

Selain itu, graduan dalam bidang Pengajian Islam seringkali dianggap sebagai graduan yang kurang berkecimpung dalam sektor-sektor profesional dan hanya mengetuai acara-acara keagamaan sahaja. Mereka juga dilihat hanya sesuai menceburি bidang kerjaya dalam sektor pendidikan semata-mata merupakan isu yang tidak boleh diketepikan. (Nurul Syahidah 2014). Keadaan ini benar dengan senario berlaku dalam kalangan pelajar apabila didapat sektor pendidikan merupakan sektor ekonomi yang paling tinggi diceburi oleh graduan daripada dua puluh sektor ekonomi yang disenaraikan seperti yang ditunjukkan oleh Laporan Kajian Pengesanan Graduan (LKPG) bagi tahun 2012 (Alumni 2012).

Menurut LKPG itu lagi seramai 350 graduan daripada 738 graduan lebih bermintat untuk menceburی bidang pendidikan mengatasi bidang-bidang kerjaya lain. Profesional pendidikan yang paling tinggi dipilih ialah profesion keguruan Islam (guru agama) iaitu seramai 36.2 peratus graduan menjawat jawatan guru agama daripada 36 jenis profesion yang disenaraikan. Sedangkan terdapat profesion lain yang juga sesuai dengan bidang Pengajian Islam seperti kerjaya dalam Pengurusan Sosial dan Keagamaan yang hanya dijawat 1.8 peratus, Undang-undang Sosial dan Keagamaan hanya 0.4 peratus dan Pengurusan Profesional yang juga menunjukkan 0.4 peratus dipilih graduan. Majoriti pelajar tahun akhir juga lebih meminati bidang pendidikan atau perguruan iaitu sebanyak 82 peratus, pegawai agama, 9 peratus dan usahawan 5 peratus. Senario ini sangat membimbangkan kerana sedikit sebanyak boleh menyumbang kepada kesempitan bidang kerjaya yang boleh diceburi pelajar.

Kajian melihat keadaan ini tidak sepatutnya berlaku kerana menurut kajian yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik daripada Fakulti Pengajian Islam di universiti ini mendapati pelajar boleh menceburی bidang-bidang lain kerana prospek kerjaya dalam bidang ini adalah agak luas. Pelajar yang mengambil pengkhususan Syariah misalnya berpeluang untuk mengisi kekosongan jawatan seperti pegawai Syariah, hakim Syarie, pegawai tadbir diplomatik, dan sebagainya. Begitu juga dengan pelajar dalam bidang Dakwah dan Kepimpinan di mana mereka boleh mengisi kekosongan jawatan pegawai kaunseling, wartawan akhbar, pegawai dakwah dan lain-lain.

Pemberatan terhadap ilmu-ilmu berbentuk teori dengan mengeneptikan ilmu kerjaya yang lebih bersifat ‘hands on’ dan pelaksanaan juga antara punca kepada kelemahan dalam kemahiran insaniah. Kajian temu bual yang

dijalankan oleh Ahmad Munawwar dan Zakaria Stapa (2011) menunjukkan majoriti pelajar tahun empat di universiti ini mengamalkan gaya pembelajaran teoris dan sedikit mengamalkan gaya pembelajaran pragmatis. Sedangkan mereka mengakui gaya pragmatis merupakan gaya yang sangat diperlukan dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Menurut Honey dan Mumford (1992), gaya pembelajaran pragmatis misalnya merupakan gaya yang diperlukan bagi mempelajari ilmu keusahawanan. Keadaan ini diperkuatkan lagi apabila didapati kemahiran keusahawanan merupakan kemahiran yang paling lemah dikuasai graduan (Alumni 2012).

## TUJUAN DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap kemahiran insaniah yang dikuasai pelajar kursus Pengajian Islam di sebuah IPT tempatan. Jadi persoalan bagi kajian ini adalah ‘Apakah tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar kursus Pengajian Islam?’.

## KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Mohd Mustaman et al. (2006) menjalankan kajian untuk mengetahui tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada pandangan majikan. Seramai 2,650 graduan dan 2,741 majikan telah terlibat sebagai responden dalam kajian. Instrumen soal selidik telah digunakan. Hasil kajian mendapat tahap penguasaan kemahiran interpersonal graduan UPSI adalah memuaskan kecuali pada aspek komunikasi diikuti kemahiran intrapersonal dan akhirnya aspek sikap. Aspek sikap merupakan aspek yang paling kurang memuaskan dikuasai graduan UPSI yang melibatkan sikap bersyukur, bertimbang rasa, bertanggungjawab

dan toleransi. Kemahiran komunikasi, interpersonal dan sikap seharusnya dikuasai tinggi oleh pelajar kerana mereka sering didedahkan dengan ilmu-ilmu praktikum perguruan.

Kelemahan daripada aspek komunikasi juga telah dikesan oleh kajian Ashari et al. (2010) khususnya komunikasi dalam bahasa Inggeris. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk mengetahui tahap penguasaan kemahiran insaniah pada pandangan pelajar dan pensyarah. Kajian temu bual ini dijalankan ke atas 263 orang pelajar diploma semester akhir dari pelbagai kursus di Politeknik Kota Bharu. Instrumen temu bual telah digunakan. Dalam kajian ini, tiga elemen kemahiran telah difokuskan iaitu kemahiran komunikasi, menyelesaikan masalah secara kritis dan kerja berpasukan. Kajian menunjukkan tahap kemahiran berfikir secara kritis dan kerja berpasukan berada pada tahap yang sederhana pada pandangan pensyarah tetapi responden menunjukkan tahap penguasaan yang baik pada pandangan mereka. Keadaan ini menunjukkan penilaian pelajar adalah terhad dan perlunya kepada penilaian pensyarah.

Hasil analisis temu bual juga mendapati kelemahan penguasaan kemahiran berfikir kritis adalah berpuncu daripada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan. Bagi kemahiran komunikasi, keputusan kajian mendapat tahap penguasaan pada tahap yang baik dan ianya selari di antara kedua-dua perspektif pensyarah dan pelajar. Penguasaan yang baik adalah kesan daripada pendedahan gaya pembelajaran berkumpulan dan aktiviti ‘hands on’.

Walau bagaimanapun, kajian Marliana dan Ahmad Esa (2009) mendapati tahap penguasaan kemahiran komunikasi diikuti pemikiran kritis berada pada tahap yang tinggi. Kajian dijalankan bagi mengetahui tahap penguasaan kemahiran pada

pandangan pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Elektrik serta Pendidikan di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UiTHO) dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang boleh menyuburkan penguasaan kemahiran insaniah berdasarkan persepsi pelajar. Instrumen soal selidik telah digunakan. Sampel kajian terdiri daripada 42 orang pelajar tahun akhir. Selain daripada itu kemahiran penyelesaian masalah berada pada tahap ketiga tinggi. Hasil kajian mendapat gaya pembelajaran berkumpulan dan pembelajaran penyelesaian masalah menyumbang kepada peningkatan penguasaan kemahiran insaniah bagi aspek kemahiran berfikir kritis. Secara rumusan, kemahiran berfikir kritis adalah terkesan daripada kaedah pembelajaran kooperatif dan berasaskan masalah.

Kamarudin (2010) juga mendapat perkara yang sama apabila hasil kajiannya menunjukkan penguasaan elemen kemahiran komunikasi berada pada tahap yang tinggi diikuti kemahiran kerja dalam pasukan, kemahiran etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan. Kajian yang dijalankan ke atas pelajar Diploma semester akhir dan pensyarah di 13 buah kolej komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di empat buah negeri iaitu Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor. Sampel kajian yang terdiri daripada 495 orang pelajar dan pensyarah seramai 309 orang. Instrumen soal selidik kajian diadaptasi daripada Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi (2006), Hussin (2006), Norlia (2006) dan dibina sendiri oleh penyelidik. Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik ini adalah diterima dan boleh diguna pakai dalam kajian yang lain. Dapatkan kajian ini adalah dapatan yang kukuh dan lebih dipercayai kerana menilai kemahiran insaniah pelajar daripada kedua-dua persepsi pelajar dan pensyarah.

Selain daripada itu juga kajian mendapat kemahiran keusahawanan dan kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat didapati pada tahap yang sederhana dan yang paling lemah adalah elemen kemahiran pemikiran kritis. Kajian juga telah mengenal pasti aspek interaksi pelajar dan pensyarah, kemudahan infrastruktur dan pengajaran kontekstual iaitu kaedah kuliah, bengkel dan makmal dan kegiatan kokurikulum yang diterapkan menyumbang 35.2 peratus kepada penjanaan kemahiran generik.

Kajian terkini yang dijalankan di sekolah adalah oleh Mohd Zulfahmi Bahaudin (2011) mengenai tahap kreativiti yang dikuasai pelajar. Seramai 205 pelajar terlibat sebagai responden. Kajian menggunakan Ujian Pemikiran Kreatif Guilford dan Torrance (1999) dalam empat kriteria kreativiti iaitu keaslian, kefasihan, kelenturan dan penghuraian. Dapatkan kajian menunjukkan tahap kreativiti pelajar berada pada tahap yang membimbangkan. Sebanyak 58.6 peratus pelajar adalah terdiri daripada golongan pelajar yang tidak kreatif. Perkara ini tidak seharusnya terjadi kerana pelajar Sains seharusnya memiliki kreativiti yang tinggi dalam menghasilkan idea yang baharu dan asli tidak terhad kepada pengaplikasian kaedah saintifik seperti pemerhatian, hipotesis dan eksperimen semata-mata.

Kajian di luar negara oleh Hadiyanto dan Suratno (2015) bagi melihat tahap penguasaan dalam tujuh atribut kemahiran generik dalam kalangan pelajar jurusan Fakulti Ekonomi Universiti Kebangsaan Indonesia (IU). Kajian mendapat pelajar menguasai pada tahap tinggi dalam kemahiran komunikasi, teknologi maklumat, dan kerja berpasukan. Namun demikian, pelajar menguasai pada tahap sederhana dalam kemahiran belajar,

penyelesaian masalah, kompetensi subjek tertentu dan kemahiran numeracy. Sampel terdiri daripada 355 pelajar yang mengambil jurusan Ekonomi di Fakulti Ekonomi. Instrumen soal selidik kemahiran generik telah digunakan. Kemahiran insaniah yang lemah dikuasai tidak seharusnya berlaku kerana pembelajaran dalam subjek kursus Ekonomi banyak berkait rapat dengan penyelesaian masalah dan kemahiran numeracy.

Kajian perbandingan kemahiran insaniah antara pelajar luar negara dan dalam negara adalah seperti kajian Mohammed Sani dan Husaina Banu (2013). Tujuan kajian adalah untuk membandingkan tahap kemahiran insaniah antara pelajar prasiswazah Fakulti Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Malaysia dengan pelajar prasiswazah Fakulti Ekonomi Universiti Indonesia (UI) di Indonesia. Terdapat tujuh atribut kemahiran insaniah yang dilihat iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran numeracy, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja dengan orang lain dan kemahiran subject specific competencies. Sampel terdiri daripada 334 pelajar UKM dan 689 pelajar UI. Instrumen soal selidik kemahiran insaniah telah digunakan.

Hasil kajian mendapati pelajar UI lebih menguasai kemahiran insaniah berbanding pelajar UKM. Walau bagaimanapun, pelajar pentadbiran perniagaan UKM lebih menguasai kemahiran insaniah berbanding pelajar UI. Bagi pelajar dari Jabatan Ekonomi pula, pelajar UI lebih menguasai kemahiran generik berbanding pelajar UKM. Di IPTA Malaysia, kemahiran numeracy dan kemahiran subject specific competencies merupakan atribut kemahiran yang tidak disenaraikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) (2006). Penyelidik berpendapat, jurang yang berlaku adalah berkemungkinan

kesan daripada corak penekanan pembangunan insaniah yang berlainan dijalankan di universiti-universiti terbabit.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Kajian ini dibuat ke atas 346 daripada 955 populasi pelajar. Soal selidik yang digunakan terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu bahagian A yang mengandungi soalan pilihan Binari tentang latar belakang pelajar, bahagian B mengandungi soalan tentang kemahiran insaniah, PadabahagianB, soalan pemeringkatan Likert lima aras digunakan. Aras sangat setuju (SS) yang diberi nilai 5, setuju (S) yang diberi nilai 4, kurang setuju (KS) yang diberi nilai 3, tidak setuju (TS) yang diberi nilai 2 dan akhirnya sangat tidak setuju (STS) yang diberi nilai 1. Instrumen soal selidik kemahiran insaniah dibina berdasarkan Modul Kemahiran Insaniah untuk pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) (KPT 2008) (41 item) yang diubahsuai dan diolah.

Bagi menentukan min skor bagi ketiga-tiga instrumen soal selidik, penyelidik menggunakan tafsiran min yang diubah suai daripada Jamil (2002). Tafsiran min skor Likert yang diperolehi daripada setiap konstruk ialah bagi nilai min  $1.00 - 2.33$  adalah skor rendah,  $2.34 - 3.67$  sederhana dan  $3.68 - 5.0$  adalah tinggi. Bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik pula, satu kajian rintis dijalankan Seramai 30 orang responden yang mempunyai ciri-ciri populasi yang sama dengan responden akan dilibatkan dalam kajian. Seterusnya elemen kemahiran insaniah pula menunjukkan kebolehpercayaan yang boleh diterima iaitu antara .738 sehingga .903 kecuali bagi item kemahiran etika dan profesional yang memperolehi nilai yang rendah (.688) dan kemahiran kepimpinan (.625). Nilai kebolehpercayaan kemudiannya meningkat kepada .737 dan bagi

kemahiran kepimpinan pula kepada 779 selepas pemurnian item dan kajian rintis dibuat pada kali yang kedua.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian dijalankan dengan melibatkan seramai 346 orang pelajar. Demografi kajian yang dilibatkan dalam kajian ini seperti jantina dan jenis pengkhususan. Profil demografi kajian secara lebih terperinci dihuraikan seperti Jadual 1 berikut.

Jadual 1 Profil demografi kajian

Jenis pengkhususan	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
Syariah	24	53
Usuluddin dan Falsafah	22	31
Bahasa Arab dan Tamadun Islam	15	80
Dakwah dan kepimpinan	23	38
Al-Quran dan al-Sunnah	16	44
Jumlah	100	246

Jadual 1 menunjukkan bahawa kajian ini melibatkan pelajar daripada lima pengkhususan iaitu Syariah, Usuluddin dan Falsafah, Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Dakwah dan kepimpinan dan al-Quran dan al-Sunnah. Berdasarkan jantina menunjukkan seramai 100 orang pelajar lelaki dan seramai 246 orang pelajar perempuan.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan kemahiran insaniah pelajar mengikut tujuh aspek iaitu komunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, keusahawanan, etika dan moral profesional dan kepimpinan. Perbandingan min KI pelajar dikira dari jawapan pelajar kepada item-item dalam KI. Sementara min piawai dominan diperoleh sekiranya nilai skor min kemahiran insaniah pelajar itu lebih tinggi daripada min piawai yang ditetapkan. Perbandingan min KI pelajar dengan min piawai yang ditetapkan ditunjukkan seperti Jadual 2 berikut;

Jadual 2 Perbandingan skor min kemahiran insaniah (KI) pelajar dengan min piawai

Kemahiran insaniah	Min KI	Min Piawai	Keputusan
Komunikasi	3.89	3.68 – 5.00	Tinggi
Pemikiran kritis dan penyelesaian masalah	3.90	3.68 – 5.00	Tinggi
Kerja berpasukan	4.16	3.68 – 5.00	Tinggi
Pembelajaran berterusan & pengurusan maklumat	4.07	3.68 – 5.00	Tinggi
Keusahawanan	3.31	3.68 – 5.00	Sederhana
Etika dan moral Profesional	3.87	3.68 – 5.00	Tinggi
Kepimpinan	4.00	3.68 – 5.00	Tinggi

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan terdapat enam aspek yang mempunyai skor min yang lebih tinggi dari skor min piawai iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, etika dan moral profesional dan kepimpinan. Sementara terdapat satu lagi kemahiran yang sederhana rendah iaitu keusahawanan.

## PERBINCANGAN

Kajian mengesahkan kemahiran kerja berpasukan pada tahap tinggi diikuti kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, dan kemahiran kepimpinan. Pelajar menguasai kemahiran kerja berpasukan pada tahap tinggi membuktikan mereka mudah menyesuaikan diri dalam kumpulan, membina perhubungan yang baik. Mereka mudah bekerjasama dan menunjukkan komitmen terhadap kumpulan serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan.

Dapatkan kajian ini juga membuktikan wujudnya jaringan yang baik dari segi kurikulum dan kokurikulum pengajian yang menerapkan kemahiran kerja berpasukan. Dapat dikuukuhkan dengan dengan kajian oleh Alumni apabila didapati kemahiran kerja berpasukan merupakan kemahiran yang dinilai pada tahap yang sangat memuaskan iaitu 56.1% oleh graduan (LPG 2012). Kajian di IPT lain yang selari adalah seperti kajian Kamaruddin (2010) dan kajian luar negara oleh Hadiyanto (2011) dan Hadiyanto dan Suratno (2015) mendapati kemahiran kerja berpasukan dikuasai pada tahap tinggi oleh pelajar. Penilaian pelajar terhadap tahap kemahiran insaniah mereka walau bagaimanapun masih diragui kerana kajian Ashari et al. (2010) misalnya yang mengkaji penilaian pelajar dan pensyarah terhadap penguasaan pelajar dalam

kemahiran ini mendapati pensyarah menilai pelajar mereka sebaliknya.

Kemahiran kerja berpasukan sangat diperlukan kerana mahasiswa merupakan bakal pemimpin yang akan menerajui masyarakat dan bekerja dalam organisasi kerajaan maupun swasta. Kekuatan sesebuah bangsa dan organisasi terletak pada keutuhan anggotanya dalam menunjukkan komitmen, kesepakatan dan kerjasama yang erat dalam menjayakan sesuatu misi yang ingin dicapai. Setiap anggota dan ahli kumpulan mempunyai peranannya tersendiri dan saling memahami antara satu sama lain tanpa ada rasa prejedis terhadap peranan yang berlainan. Biar sekecil mana pun peranan yang dimainkan, ia itu boleh menentukan jatuh dan bangunnya sesebuah kumpulan.

Kajian mendapati kemahiran kepimpinan dikuasai pada tahap ketiga tinggi oleh pelajar. Kajian di IPT yang selari adalah seperti kajian Marliana dan Ahmad Esa (2009) yang mendapati pelajar Diploma Kejuruteraan Elektrik UiTHO menguasai kemahiran ini pada tahap tinggi dan kajian Kamaruddin (2010) dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti mendapati hal yang sama.

Rodiah dan Rahayah (2011) menegaskan kemahiran kerja berkumpulan merupakan ciri-ciri yang boleh menyumbang kepada kemahiran kepimpinan. Yahya dan Muhammad Rashid (2003) dan Rosli Saadan (2011) mengatakan kemahiran kerja berpasukan merupakan elemen terpenting dalam membentuk kemahiran insaniah yang lain seperti kemahiran komunikasi dan kemahiran etika moral dan profesional selain daripada kemahiran kepimpinan. Ciri-ciri seorang pemimpin adalah memiliki sifat tanggungjawab yang tinggi, esteem-kendiri, keyakinan, boleh memimpin, mengetuai pasukan atau organisasi, mempengaruhi dan menjadi teladan kepada orang lain.

Analisis mendapati pelajar menguasai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat pada tahap kedua tertinggi selepas kemahiran kerja berpasukan. Kemahiran pembelajaran sepanjang hayat adalah kemahiran dalam bentuk keinginan seseorang individu pelajar itu untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, memperbaiki diri dengan mempelajari ilmu-ilmu baharu. Kajian di IPT dalam kalangan pelajar Diploma oleh Kamaruddin (2010) di 13 buah Kolej Komuniti di dalam negara mendapati, kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat dikuasai pada tahap sederhana oleh pelajar. Perbezaan ini berkemungkinan adalah kerana tahap pengajian pelajar dari segi orientasi pembelajaran dan keperluan pengajian di peringkat Ijazah adalah lebih tinggi daripada peringkat Diploma.

Walau bagaimanapun, menurut Laporan Kajian Pengesahan Graduan (LKPG) yang dikeluarkan pada tahun 2012 menunjukkan ketidakselaruan apabila didapati hanya 19 peratus graduan ingin melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana selepas bergraduat. Ini menunjukkan besar kemungkinan mereka berkeinginan mempelajari ilmu baharu tetapi bukan dalam bentuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana seperti dengan mengikuti latihan-latihan tertentu. Keadaan ini terbukti menurut LKPG mendapati 74.2 peratus graduan ingin mengikuti program latihan tambahan bagi membantu meningkatkan kemahiran kerjaya mereka.

Namun, menurut LKPG lagi pelajar kurang mininati untuk menyambung pengajian dalam yang berkaitan dengan pengkhususan mereka seperti bidang keusahawanan, pengurusan dan pentadbiran. Bidang pengajian yang paling tinggi dipilih adalah bidang Pendidikan iaitu sebanyak bidang 53 peratus berbanding bidang lain seperti Sains Kemanusiaan, Undang-

Undang dan Perniagaan. Keadaan ini juga membuktikan bidang perguruan agama merupakan bidang kerjaya yang menjadi pilihan utama pelajar. Justeru, tanggapan awal kajian iaitu pelajar cenderung untuk berkecimpung dalam bidang pendidikan agama adalah benar.

Kajian mendapati kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah berada pada tahap yang kurang memuaskan iaitu pada tangga keempat tertinggi dikuasai pelajar. Penguasaan yang sederhana menunjukkan pelajar kurang mampu untuk membanding, membezakan, mengkategorikan dan menerangkan sebab malah mampu mencapai pemikiran tahap tinggi seperti boleh membuat secara andaian secara saintifik, mengusul periksa andaian, membuat inferens, mengesahkan sumber maklumat, membuat generalisasi, mencari sebab dan membuat kes. Penguasaan yang kurang memuaskan juga mungkin berpunca daripada proses pembelajaran di fakulti ini yang menekankan aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran ini seperti aktiviti perbincangan, tugas menilai jurnal dan artikel, melibatkan diri dalam penulisan akademik, aktiviti perdebatan dan sebagainya.

Kajian di IPTA yang selari adalah seperti kajian Marliana dan Ahmad Esa (2009) dalam kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan Elektronik dan Pendidikan di UiTHO. Namun, kajian Kamaruddin (2010) dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti menunjukkan penguasaan pelajar hanya berada tahap paling lemah. Begitu juga dengan kajian Mohd Zulfahmi Bahaudin (2011) mendapati pelajar Sains di sebuah sekolah di Malaysia menguasai kemahiran ini pada tahap yang lemah. Kajian luar negara yang selari ialah kajian Mohammed Sani dan Husaina Banu (2013) yang mendapati tahap penguasaan kemahiran menyelesaikan masalah pelajar jurusan Ekonomi di UKM adalah rendah

berbanding pelajar jurusan yang sama di UI. Kajian berpendapat kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian pelajar masih belum mencapai tahap tertentu seperti tahap membuat inferen (inference), tahap mengusul periksa andaian (interpretation, recognition of assumption) dan tahap membuat deduksi (deductive).

Kajian mendapati kemahiran komunikasi kurang memuaskan dikuasai pelajar iaitu berada pada tahap kelima tertinggi. Kajian di IPT yang selari adalah kajian Ashari et al. (2010), kajian Marliana dan Ahmad Esa (2009), kajian Kamaruddin (2010), kajian Mohd Mustaman et al. (2006) dan kajian luar negara oleh Hadiyanto (2011). Kajian luar negara yang selari ialah kajian Mohammed Sani dan Husaina Banu (2013) yang mendapati tahap penguasaan kemahiran komunikasi pelajar jurusan Ekonomi di UKM adalah rendah berbanding pelajar jurusan yang sama di UI.

Ini membuktikan kemahiran komunikasi kurang ditekankan pembelajaran di peringkat pengajian tinggi. Penguasaan yang kurang memuaskan oleh pelajar dan di kebanyakan institusi pengajian tinggi menandakan elemen kurang kemahiran komunikasi ditekankan secara menyeluruh bukan sahaja dalam aktiviti formal pembelajaran malah dalam aktiviti sokongan yang lainnya. Hal ini tidak seharusnya berlaku kerana dalam pembelajaran diperangkat pengajian tinggi, kemahiran komunikasi sangat diperlukan bagi pelajar diperangkat pengajian tinggi untuk membuat pembentangan, berinteraksi dengan pensyarah dan pentadbir universiti.

Kajian mendapati kemahiran etika dan moral dikuasai pada tahap yang kurang memuaskan oleh pelajar. Namun, kajian lepas bertentangan iaitu kajian Kamaruddin (2010) yang mendapati kemahiran ini dikuasai pada tahap tinggi oleh pelajar Diploma Kolej Komuniti. Walaubagamapun, hal ini memerlukan kajian yang

mendalam kerana menurut Chang (2011), kemahiran etika moral dan profesional merupakan kemahiran berlainan sedikit sifatnya berbanding dengan gugusan kemahiran insaniah yang lainnya seperti kemahiran kerja berpasukan, komunikasi dan lain-lain yang berkait rapat antara satu sama lain. Kemahiran etika moral dan profesional merupakan kemahiran berbentuk afektif yang memerlukan alat ukur tertentu untuk dinilai dan diukur dengan tepat.

Pengkaji berpendapat hal ini juga mungkin berlaku kerana nilai-nilai etika, moral dan profesional mengikut pandangan Islam tidak dihuraikan secara jelas dan mendalam sepertimana yang dihuraikan dalam falsafah-falsafah moden kini. Paling jelas adalah nilai-nilai berkenaan tidak dibudayakan dalam masyarakat Islam kini. Walhal, profesionalisme Islam telah lama dibincangkan dalam kitab-kitab ilmiah seperti dalam kitab karangan Imam al-Ghazali iaitu *Ihya al-Ulum al-Din*, *al-Mustafamin al-'ilm al-Usul* dan *al-Tibr al-Masbuk fi nasihat al-Muluk* (Wan Suhami Wan Abdullah 2009).

Pengkaji juga berpendapat hal ini berlaku kerana terdapat beberapa nilai-nilai etika dan moral yang bertentangan dengan nilai-nilai agama. Hal ini demikian kerana, nilai-nilai etika dan moral bersifat dinamik dan sering berubah mengikut peredaran masa, tempat dan situasi yang menyebabkan timbulnya pertembungan yang menyebabkan kekeliruan dalam menentukan etika dan moral sama ada benar atau salah. Menurut perspektif Islam, nilai etika dan moral yang baik adalah akhlak yang mulia.

Kajian mendapati kemahiran keusahawanan dikuasai pada tahap yang paling rendah oleh pelajar. Kajian mengenal pasti penguasaan yang rendah berpunca daripada kurangnya penglibatan dalam latihan

dan kursus Keusahawanan. Ini selari dengan kajian pengesanan graduan yang mendapati majoriti graduan iaitu 87 peratus mengakui tidak pernah mengikuti sebarang kursus Keusahawanan semasa di berada di universiti. Program latihan keusahawanan juga merupakan program latihan tambahan yang paling tidak diminati graduan untuk diceburi selepas bergraduat berbanding program latihan ICT dan program latihan pembangunan kerjaya berbanding program latihan interpersonal dan program latihan berbahasa Inggeris.

Kajian di IPTA lain yang selari adalah kajian Kamaruddin (2010) apabila didapati pelajar Diploma di 13 buah Kolej Komuniti di dalam negara menguasai kemahiran keusahawanan pada tahap yang memuaskan sahaja. Ini memberi gambaran kelemahan kemahiran keusahawanan merupakan masalah yang sama dihadapi pelajar di IPTA Malaysia. Namun demikian, jika dilihat dengan lebih mendalam pelajar masih lagi berkeinginan dan bercadang untuk menjadi usahawan iaitu sebanyak 47.2 peratus menunjukkan pada tahap yang memuaskan sebagaimana yang dibuktikan oleh LKPG.

Ini menggambarkan pelajar masih memiliki keinginan untuk menjadi usahawan, namun mereka kurang memikirkan cara untuk menjadi usahawan serta tidak berusaha untuk meningkatkan kemahiran dan ilmu tentang keusahawanan. Keinginan pelajar untuk menjadi usahawan menunjukkan mereka sedar bidang keusahawanan mempunyai prospek yang cemerlang dan menguntungkan. Namun demikian, gaya tipikal mereka yang bersifat teoris menyebabkan minat untuk menjadi usahawan tidak akan menjadi kenyataan.

Kelemahan pelajar menguasai kemahiran ini adalah mungkin berpunca daripada orientasi

pembelajaran yang bersifat teoretkal yang sukar dihakis. Pembelajaran yang hanya bertumpukan kepada akademik semata-mata tanpa menekankan gaya pembelajaran yang lebih bersifat experimental dan experiential yang menjurus kepada perancangan dan pelaksanaan idea seperti gaya pragmatis dan aktivis menyebabkan graduan yang dilahirkan sukar untuk menceburi bidang ini. Hal ini demikian kerana, bidang seperti ini memerlukan mereka untuk mempunyai personaliti dan gaya yang lebih aktif, ingin mencuba dan berani dalam merancang dan melaksanakan sesuatu idea perniagaan.

## IMPLIKASI DAN CADANGAN

Pelajar menguasai tinggi dalam kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat selepas kemahiran kerja berpasukan menunjukkan mereka mempunyai keinginan belajar yang tinggi dan arif tentang bagaimana ingin memperoleh sesuatu maklumat, ilmu dan kemahiran. Implikasinya, pelajar haruslah memiliki keinginan yang tinggi untuk menyambung pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Mereka juga disarankan untuk menyambung pengajian dalam bidang yang lain selain daripada bidang Pengajian Islam serta mengikuti kursus-kursus dan latihan tambahan yang lain bagi mengelakkan kesempitan ruang lingkup bidang kerjaya yang diceburi. Hal ini demikian kerana, kebiasaannya graduan yang memiliki kemahiran seperti kemahiran keusahawanan, kreativiti dan ICT akan lebih menarik minat majikan untuk mengambil mereka sebagai pekerja. Lebih-lebih lagi jika mereka bekerja dalam sektor swasta yang sangat mementingkan pelanggan (customer oriented), graduan yang memiliki ciri keusahawanan dan kreatif sangat diperlukan dalam meningkatkan produktiviti syarikat.

Ketinggian ilmu dan kemahiran graduan tidak mencukupi dengan bergantung kepada pendidikan formal yang mereka terima semata-mata bahkan memerlukan mereka berkeinginan tinggi untuk memperoleh seberapa banyak kemahiran lain yang dipandang tinggi atau kritikal bagi memenuhi keperluan pembangunan masa kini. Amat salah jika mereka menganggap konsep pembelajaran sepanjang hayat dalam ilmu agama sahaja kerana ilmu-ilmu berkaitan dengan kerjaya merupakan ilmu fardu kifayah yang penting untuk kehidupan pembinaan negara (Amini Amir 2013).

Selain daripada itu, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat juga mencakupi kebolehan mahasiswa untuk menggunakan akses-akses teknologi maklumat yang terkini. Dengan adanya kemahiran mengakses maklumat membolehkan mahasiswa memperoleh ilmu-ilmu dan kemahiran dalam masa yang singkat dan mudah. Walau bagaimanapun, graduan masih lagi ketinggalan dalam kemahiran ICT lain seperti Adobe, AutoCAD, SPSS, Microsoft Access, Visual Basic dan lain-lain. Kemahiran ICT seperti Microsoft Word, Power Point dan Excel merupakan kemahiran ICT yang tinggi diperoleh (Alumni 2012). Justeru pelajar haruslah mengikuti latihan ICT yang disediakan pihak universiti kerana kemahiran ICT yang lebih ‘advance’ sangat diperlukan dalam bidang kerjaya.

Kemahiran kepimpinan kurang memuaskan dikuasai pelajar tidak seharusnya berlaku. Hal ini demikian kerana, menurut Islam nilai-nilai mencakupi sifat tanggungjawab, adil, amanah, bijaksana, simpati, belas ihsan, sabar dan lain-lain. Jadi kepimpinan sangat berkait rapat dengan nilai-nilai kerohanian seperti akhlak mulia. Seseorang pemimpin yang beretika dan berakhlik mulia seumpama aset yang sangat

berharga yang memberi impak kepada kecemerlangan dan prestasi sesebuah organisasi. Jelas dalam Hadis Nabi s.a.w yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar ra yang bermaksud, “setiap kamu adalah pemimpin yang dipertanggungjawabkan keatas kepimpinannya, sehingga akhirnya...”

Kemahiran komunikasi yang sederhana dikuasai seharusnya diperkasakan oleh pelajar. Tanpa kemahiran ini, tidak mungkin mereka boleh menyesuaikan diri dengan masyarakat walaupun telah dibekalkan dengan ilmu agama yang tinggi. Hal ini demikian kerana, kemahiran merupakan sesuatu yang diperaktikkan dan pemerolehan kemahiran berkenaan juga tidak dapat dibentuk dengan proses pembelajaran secara teori semata-mata. Tidak mungkin bagi mereka untuk pendakwah jika mereka tidak memiliki kemahiran berkomunikasi yang berkesan.

Kemahiran komunikasi haruslah diperkasakan kerana dengan cara inilah mereka boleh bekerja dalam kerjaya lain yang sesuai seperti bidang kewartawanan, pengurusan dan profesional dan perniagaan bukan hanya dalam bidang pendidikan sahaja. Dengan kemahiran komunikasi yang tinggi, mereka bukan sahaja boleh menempatkan diri dalam kerjaya semasa bahkan mereka boleh bersikap dinamik dan pragmatik dalam menyampaikan dakwah dan mesej keislaman kepada masyarakat luar.

Pendakwah yang baik ialah pendakwah yang boleh berkomunikasi dengan baik serta mempergunakan bakat yang mereka ada bagi menghasilkan sesuatu yang bernalih, berharga dan disanjung oleh masyarakat sekeliling. Dengan cara inilah mereka akan mudah menyesuaikan diri dengan masyarakat dan juga diterima apa jua mesej yang ingin mereka sampaikan kepada masyarakat.

Komunikasi yang efektif semasa berdakwah juga boleh dilaksanakan melalui perbuatan (dakwah bil hal). Hal yang demikian kerana, dakwah cara ini adalah lebih baik dan applicable serta mudah diikuti oleh penerima atau mad’unya. Malah akibat buruk menunggu bagi pendakwah yang tidak mempraktikkan apa yang diperkatakan sebagaimana firman Allah dalam surah al-Shaff ayat 2 dan 3 yang bermaksud, “Wahai orang-orang yang beriman, kenapakah kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu kerjakan? Amat besar kebencian di sisi Allah bahwa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan”.

Kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah yang sederhana dikuasai pelajar boleh diperkasakan dengan mengamalkan gaya pembelajaran tertentu semasa belajar. Pelajar haruslah melatih diri dengan membuat aktiviti saintifik seperti menganalisa, meng integrasi, menilai dan mensintesis dalam apa jua pembelajaran kursus yang diambil. Selain daripada itu juga, pelajar haruslah mengamalkan gaya pembelajaran tertentu seperti gaya pragmatis dan aktivis membolehkan mereka menyelesaikan masalah secara realistik dan dinamik. Persepsi tentang kredibiliti graduan ini sebagai golongan yang mempunyai keintellectualan yang tinggi, bebas dan kritis, tidak menepati kehendak dan keperluan semasa boleh dikikis dengan memperkasakan kemahiran ini.

Amat ketinggalanlah jika mereka tidak menggunakan peluang seperti aktiviti yang disediakan oleh pihak universiti bagi meningkatkan mutu diri sebagai seorang mahasiswa yang bukan enteng dipandang mulia oleh masyarakat. Persepsi negatif graduan dalam bidang ini yang melabelkan golongan yang hanya menghafal kitab-kitab klasik dan bidang yang dipelajari kurang menepati kehendak pasaran

semasa dan boleh dihapuskan dengan menambahkan lagi potensi meningkatkan penguasaan diri dalam kemahiran ini. Bidang pengajian yang dianggap sebagai pengajian ilmu dan teori semata-mata sebenarnya sangat bertentangan dengan kehendak Islam agar berfikir secara kritis dan kreatif. Ini bertepatan sebagaimana firman Allah s.w.t dalam Surah Saba’ ayat 46 yang bermaksud, “katakanlah (Wahai Muhammad): “Aku hanyalah mengajar dan menasihati kamu dengan satu perkara sahaja, iaitu hendaklah kamu bersungguh-sungguh berusaha mencari kebenaran kerana Allah semata-mata, sama ada dengan cara berdua (dengan orang lain), atau seorang diri, kemudian hendaklah kamu berfikir sematang-matangnya (untuk mengetahui salah benarnya ajaranKu”.

Kemahiran etika moral dan profesional yang rendah dikuasai pelajar seharusnya diberi perhatian kerana kemahiran ini bukan sahaja berkait dengan adab yang mulia malah mencakupi tingkah laku dan pemikiran yang baik sesuai dengan sesuatu bidang profesion yang diceburi. Pekerja yang sukar menyesuaikan diri dengan persekitaran kerjanya tidak mungkin dapat memenuhi etika dan moral profesional kerjayanya. Moral dan profesionalisme dalam bidang kerjaya merupakan etika dan adab tertentu yang ditetapkan bagi mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan organisasi. Jadi penerimaan dan penyesuaian diri yang baik terhadap etika kerja juga merupakan akhlak yang baik. Sebagai pelajar dalam bidang Pengajian Islam, mereka seharusnya matang dalam menilai sesuatu kebaikan dan keburukan sesuatu etika dan moral yang ditentukan.

Sebagai pelajar yang mempelajari bidang pengajian Islam secara mendalam, nilai etika dan moral merupakan sesuatu yang sepatutnya

sebati dalam diri mereka. Dalam Islam sendiri menetapkan setiap perkara lain yang baik bukan terhad kepada ibadah khusus juga diletakkan di tempat yang tertinggi dan dikategorikan sebagai nilai-nilai keagamaan. Sebagai agama yang mementingkan kesempurnaan dalam segenap perkara, moral dan etika walaupun digariskan oleh manusia sendiri tetap menjadi keutamaan kerana natijahnya akan membawa kebaikan kepada kemaslahatan ummah. Justeru perlunya satu pendefinisan moral dan etika Islam secara tersusun dan sistematik agar tidak timbul kekeliruan dalam memahami istilah etika, moral dan profesionalisme mengikut acuan Islam secara harmoni tanpa mengetepikan pandangan dan budaya setempat yang tidak bertentangan.

Isu-isu etika dan moral perlu ditadbir mengikut satu acuan iaitu acuan Islam agar tidak timbul kekeliruan seperti istilah profesionalisme yang digunakan secara meluas iaitu berilmu, kreatif, inovatif, integriti, neutraliti, kejujuran, intelektual, akauntabiliti, berkecuali dan lain-lain sebenarnya digolongkan sebagai satu tingkah laku dan akhlak yang mulia. Nabi s.a.w dalam dua hadis yang berlainan yang memberi makna tingkah laku dan akhlak baiklah menyebabkan seseorang itu boleh memasuki syurga dan baginda sendiri pun diutuskan semata-mata bagi menyempurnakan tingkah laku yang baik dalam kalangan manusia.

Penggunaan istilah tentang ciri-ciri etika yang baik seperti empati, simpati, nilai produktiviti, cekap, integriti, bersih, dedikasi dan banyak lagi digunakan dalam kehidupan umat Islam dalam zaman moden ini kelebihan begitu terasing dengan istilah-istilah etika Islam seperti adil, syura, amanah, akhlak mulia. Kekeliruan dan sikap menolak nilai-nilai etika yang memberi manfaat kepada pembangunan umat menyebabkan kerugian kepada umat Islam sendiri. Pandangan yang negatif

terhadap umat Islam sebenarnya berpunca daripada sikap mereka sendiri yang tidak mahu mengamalkan nilai-nilai yang bukan sahaja boleh membangunkan kehidupan beragama sahaja bahkan membangunkan kehidupan yang lebih bertamadun, disegani kawan dan lawan.

Tidak dinafikan pandangan serong juga sebenarnya banyak berpunca daripada sesetengah golongan yang tidak mahu melihat umat Islam itu sendiri maju, berakhlik mulia serta dipandang mulia. Jadi, sikap umat Islam yang mengambil mudah terhadap nilai-nilai seperti dedikasi, tanggungjawab, amanah, integriti, profesionalisma dan lain-lain akan memburukkan lagi keadaan mereka. Kajian mencadangkan agar pelajar menjadi golongan profesionalisme Islam yang boleh menjadi contoh kepada orang lain tidak kira dalam bidang apa jua yang mereka ceburi mengikut kelebihan, bakat, kecenderungan dan potensi yang dikurniakan kepada mereka. Masalah yang timbul kini adalah profesion graduan yang terbatas kepada bidang pendidikan dan keguruan sahaja seperti yang dibincangkan sebelum ini.

Kemahiran keusahawanan didapati paling lemah dikuasai pelajar memberi petanda perlunya aktiviti-aktiviti sokongan yang membolehkan pelajar menguasai kemahiran ini seperti latihan, kursus, bantuan modal dan kaunseling perniagaan dipergiatkan dalam proses pembangunan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Kemahiran keusahawanan haruslah diterapkan dalam bentuk pengalaman atau secara realiti dengan melakukan secara praktis dan berulang-ulangan sehingga menghasilkan perubahan tingkah laku dan peningkatan kemahiran.

Minat terhadap bidang keusahawanan boleh dibentuk kerana ciri-ciri keusahawanan bukanlah sesuatu

yang terhasil daripada personaliti dan genetik. Kajian menunjukkan, faktor ibu bapa atau keluarga yang menceburii bidang ini menjadi penyebab utama kepada penglibatan secara serius. Ini menunjukkan, faktor persekitaran memberi kesan yang penting dalam meningkatkan kesungguhan dan kesedaran menceburii bidang ini. Penumpuan terhadap aspek minda, kognitif, personaliti dan kecenderungan terhadap tingkah laku perniagaan juga sepatutnya diberi perhatian. Faktor psikologi pelajar merupakan aspek penting ke arah pembelajaran pemasukan pelajar seperti aplikasi gaya belajar yang lebih bersifat hands on experience, know how, action oriented dan problem solving (NurFadhillah dan Rahimah 2010).

## KESIMPULAN

Kemahiran soft haruslah diperkasakan graduan Pengajian Islam kerana dengan cara inilah mereka boleh bekerja dalam kerjaya lain yang sesuai seperti bidang kewartawanan, pengurusan dan profesional dan perniagaan bukan hanya dalam bidang pendidikan dan perguruan agama semata-mata. Dengan kemahiran insaniah yang dimiliki mereka bukan sahaja boleh menempatkan diri dalam kerjaya semasa bahkan mereka boleh bersikap dinamik dan pragmatik dalam menyampaikan dakwah dan mesej keislaman dalam konteks dan sasaran yang lebih luas.

## RUJUKAN

- Ahmad Munawwar Ismail & Zakaria Stapa. (2011). Strategi pembelajaran penuntut aliran Pengajian Islam dan hubungannya dalam memenuhi tuntutan semasa. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3 (2), 21-30.
- Alumni UKM. (2012). *Laporan kajian pengesahan graduan*. Bangi: Pejabat Perhubungan Alumni, UKM.
- Amini Amir.(2013). Pembelajaran sepanjang hayat dalam program Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (IPTM). Diambil pada 13 April 2013 daripada <http://www.researchgate.net/publication>.
- Ashari Sikor, Nurul Asmida Mohd Razali, Razali Hassan & Ahmad Kamal Rizal Madar. (2010). *Penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar Politeknik Kota Bharu*. Dalam Ahmad Esa & Mohamad Zaid Mustafa. *Kemahiran Insaniah: kajian di institut-institut pengajian tinggi*. Batu Pahat: Penerbit UTHM. ms. 125-152.
- Hadiyanto. (2011). *The Development of core competencies among Economic students in National University of Malaysia (UKM) and Indonesia (UI)*. Tesis Phd. tidak terbit, Fakulti Pendidikan, UKM, Bangi.
- Jamil Ahmad .(2002). *Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: Satu Penilaian*. Tesis Sarjana tidak terbit, Jabatan Asas Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamaruddin Md Tahir. (2010). *Penilaian pembangunan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah tidak terbit. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Marliana Musa & Ahmad Esa. (2009). Tahap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Elektrik serta Pendidikan, UTHM. *Journal of Techno Social*, (1) 1.
- Muhammad Hazrul Ismail. (2012). Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah di Malaysia: Tinjauan dari perspektif majikan. *Prosiding PERKEM VII* 2012, 2, 906 – 913.
- Mohd Jailani Mohd Nor & Azami Zaharim. (2007). Perbandingan pendekatan pendidikan sepadu pembelajaran berasarkan hasil (OBE) dengan model Pendidikan Islam, *Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina*. Diambil pada 14 Jun 2011 daripada <http://www.ukm.my/p3k/index.php/ms/muat-turun/prosiding?layout=edit&id=13>.
- Mohd Mustaman. (2006). *Kajian pengesahan graduan Universiti pendidikan Sultan Idris 1999-2004*. Laporan penyelidikan tidak terbit, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Raudah Siren & Ab Aziz Mohd Zin (2007). Analisis Kurikulum Pengajian Dakwah di Malaysia dalam Mohd Fauzi Hamat, Joni Tamkin Borhan & Ab Aziz Mohd Zin (pnyt).
- NurFadhilah & Rahimah. (2010). Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35 (1), 11-7
- Paizah Ismail, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohammadin Abdul Niri, Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaluddin. (2008). Pembaharuan Institusi Pengajian Tinggi Awam Islam di Malaysia: Satu analisis terhadap teori dan cabaran. *Masalah Pendidikan*, 31 (1), 193-214.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2009). Model subjek kemahiran insaniah di IPT Islam terpilih : Satu analisa dekonstruktif. *Jurnal Perspektif UPSI 2010*.
- Rodiah Idris, Siti Rahayah Ariffin dan Noriah Mohd Ishak. (2009). Pengaruh kemahiran generic dalam kemahiran pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan komunikasi pelajar. *Universiti KebangsaanMalaysia (UKM) MJLI*, 6, 103-140.
- Shaharuddin, A., Noriah Mohd, I., Khaidzir, I., & Jumali, S (2010). Generic competency profile among students in institute of higher learning: A case study of University Kebangsaan Malaysia (UKM). *College Student Journal*, 44 (3), 811- 820.

- Wan Suhaimi Wan Abdullah dlm Mohd Fauzi Hamat, Joni Tamkin Borhan & Ab. Aziz Mohd Zin. (Eds.). (2007). *Pengajian falsafah Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Sukatan, masalah dan cabaran pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yahya Buntat dan Muhammad Rashid Rajuddin. (2004). *Aspek-aspek penting dalam kemahiran employability*. Buletin Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, 2 (3).